

HARI : RABU
TARIKH : 23/10/2019
M/SURAT : 4

1.7 juta layari portál PSP pastikan layak subsidi petrol

Putrajaya: Seramai 1.7 juta individu melayari portal psp.kpd-nhep.gov.my sejak Selasa minggu lalu bagi melakukan semakan kelayakan dan mengemas-kini data peribadi untuk penge-sahan kelayakan Program Subsidi Petrol (PSP).

Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) mendapati ada penerima yang tersenarai dalam Bantuan Sara Hidup (BSH) menarik diri daripada PSP kerana mahu memberi peluang kepada mereka yang lebih memerlukan.

Sehubungan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata keputusan mewujudkan portal itu amat bertepatan kerana ia memastikan tiada sesiapa yang layak tercicir daripada menerima manfaat yang diberikan kerajaan.

"Dalam satu rekod, penerima terbabit memaklumkan ibunya di kampung mendaftarkan namanya akan tetapi dia mengakui sudah mempunyai pendapatan yang besar. Atas faktor itulah, penerima terbabit mahu menarik diri."

"Ini menunjukkan adanya rakyat Malaysia yang jujur dan ini jelas bawah kewujudan portal terbabit langkah yang tepat bagi mengemas kini penerima PSP yang tersenarai dalam BSH," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP KPD-NHEP) 2019-2023 di sini, semalam.

BH sebelum ini melaporkan seramai 2.9 juta penerima BSH daripada golongan B40 yang layak menerima bantuan PSP boleh menyemak kelayakan mereka melalui portal bagi memastikan penerima bantuan yang tercicir, boleh melengkapkan maklumat melalui fungsi rayuan dalam portal itu.

Data penerima PSP daripada golongan B40 itu adalah berdasarkan data asas penerima BSH yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan dan disilang semak dengan data pemilikan kendaraan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Dalam Belanjawan 2020, kerajaan memperuntukkan RM2.2 bilion bagi skim PSP bersasar yang akan memberi manfaat kepada kira-kira lapan juta pemandu.

Bermula Januari 2020, subsidi petrol untuk setiap penerima adalah sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik kereta dan RM12 sebulan untuk pemilik motosikal.